

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN KONTRAK TAHUN 2021
HOSPITAL PENGAJAR UPM**

BIL.	JAWATAN	GRED	GOOGLE FORM
1.	PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN	U41	https://bit.ly/pperubatanU41

TARAF JAWATAN : KONTRAK
TERMA LANTIKAN : SEPENUH MASA
TARIKH TUTUP IKLAN : 22 JULAI 2021, 5:00 PETANG

CARA MEMOHON

Pemohon dikehendaki mengisi *Google Form* (pautan disertakan diatas) bersama borang **Permohonan Jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional** (yang berkaitan dengan jawatan) dan sertakan dokumen-dokumen seperti Senarai Semak Temuduga yang dilampirkan.

Perhatian:-

- a. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima atau tidak mengikut peraturan memohon boleh menyebabkan permohonan tidak akan dilayan;
- b. Hanya calon yang dipilih dalam saringan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga;
- c. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Sebarang pertanyaan, mohon hubungi Unit Sumber Manusia di job_hpupm@upm.edu.my atau 03-9769 9014/9019/9023.

JAWATAN: PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN GRED U41

Kumpulan : **Pengurusan dan Profesional**
Gaji Pokok : **RM2,429.00**
Kekosongan : **Satu (1)**

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang pemulihan perubatan (audiologi) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

- 1) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurupulih Perubatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); dan
 - b) had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 60 tahun.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 2) Calon yang mempunyai sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** pengalaman bekerja di dalam bidang audiologi akan diberi keutamaan.

RINGKASAN TUGAS

Umum

Pegawai Pemulihan perubatan (Audiologi) bertanggungjawab menjalankan ujian-ujian diagnostik audiologi yang lengkap untuk menilai tahap pendengaran pesakit serta memberi nasihat, khidmat kaunseling dan terapi serta menyelenggara program rehabilitasi.

Khusus

1. Melaksanakan ujian pendengaran untuk mengenalpasti tahap pendengaran bagi semua peringkat umur.
2. Menganalisis keputusan ujian pendengaran dan menentukan pengurusan masalah pendengaran samada memerlukan pemantauan doktor Otorinolaringologi, pemakaian alat amplifikasi samada alat bantu pendengaran atau implan koklea.
3. Merekod statistik pesakit setiap hari untuk tujuan rekod dan laporan akhir tahun.
4. Memastikan semua mesin dalam keadaan baik untuk mendapatkan keputusan ujian pendengaran yang tepat.
5. Memohon alat bantu dengar melalui jabatan perkhidmatan awam untuk pesakit pesara dan masih berkhidmat.
6. Berpengalaman mengendalikan pesakit implan koklea.
7. Boleh bekerja sebagai satu pasukan.